



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 6 DISEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PESAWAH BAKAL TERIMA PAMPASAN -KADA, NASIONAL, SH -12	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
2.	TIADA BERAS TEMPATAN DIJUAL SEBAGAI IMPORT -EXCO, KUANTAN, SH -25	LAIN-LAIN
3.	BEKALAN SAYUR TERKESAN, KUALA TERENGGANU, SH -24	
4.	VEGETABLE PRICES UP BY 50pc TO 80pc, NEWS, NST -7	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2024	SINAR HARIAN	NASIONAL	12

Pesawah bakal terima pampasan - KADA

TUMPAT - Pesawah yang terjejas banjir bakal menerima pampasan sebanyak RM2,250 untuk satu hektar melalui Skim Takaful Tanaman Padi (STPP) jika mereka mendaftar skim berkenaan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Khalid Samad bagaimanapun berkata, jumlah keseluruhan pesawah yang terjejas belum dapat dipastikan.

Menurutnya, sehingga kini sebanyak 696 hektar sawah di bawah KADA dikenal pasti rosak teruk membabitkan daerah Pasir Mas, Bachok, Pasir Puteh, Kota Bharu dan Tumpat.

“Kita masih di peringkat mendapatkan maklumat tepat jumlah pesawah terbabit untuk agihan bantuan serta pampasan,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau tanaman padi dan menyampaikan sumbangan kepada pesawah terjejas di Kampung Jubakar Darat pada Rabu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2024	SINAR HARIAN	KUANTAN	25

Tiada beras tempatan dijual sebagai import - Exco

KUANTAN - Kerajaan negeri menegaskan tiada sebarang bukti menunjukkan beras tempatan dijual sebagai beras import.

Exco Hal Ehwal Pengguna dan Sumber Manusia negeri, Sim Chon Siang berkata, melalui pemeriksaan rutin dijalankan terhadap rantai padi dan beras, tiada isu seperti didakwa berlaku di negeri ini.

"Jika Ahli Yang Berhormat menemui aktiviti seperti ini, sila dilaporkan secara rasmi kepada Kawal Selia Padi dan Beras cawangan Kuantan atau Temerloh.

"Ini membolehkan tindakan tegas boleh diambil mengikut Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan **Datuk Jasri Jamaluddin (Bersatu-Kuala Sentul)** pada sesi Penggulangan Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Pahang di Wisma Sri Pahang pada Khamis.

Terdahulu, Jasri meminta pandangan berhubung dakwaan terdapat beras tempatan dikatakan beras import dijual di negeri ini.

Menjawab soalan tambahan **Mohd Tarmizi Yahaya (Pas-Panching)** mengenai pasaran beras,

SIDANG DUN PAHANG



CHON SIANG

Chon Siang menjelaskan bahawa jumlah pengeluaran beras tempatan di negeri ini adalah sekitar 14,000 tan metrik setahun.

Namun, jumlah tersebut jauh mencukupi untuk menampung keperluan penduduk negeri yang menecah 1.67 juta orang.

"Jika dikira berdasarkan keperluan 80 kilogram beras seorang setiap tahun, Pahang memerlukan 133,600 tan metrik beras.

"Ini tidak termasuk keperluan pekerja asing di negeri ini," tambahnya.

Bagi menangani jurang keperluan ini, beliau berkata, kerajaan mengambil langkah mengimport 45 peratus bekalan beras diperlukan sementara baki 55 peratus disediakan pengeluaran tempatan.

"Isu ini bukan hanya melibatkan Pahang sahaja tetapi isu nasional yang memerlukan perhatian semua pihak," katanya.

Bekalan sayur terkesan

Laluan Jalan Aring 8-Kenyir-Kuala Jeneris tutup akibat tanah runtuh

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Insiden tanah runtuh melibatkan laluan Jalan Aring 8-Kenyir-Kuala Jeneris di Jalan Tasik Kenyir dekat Hulu Terengganu memberi kesan kepada bekalan dan harga sayur-sayuran di negeri ini.

Laluan menghubungkan Terengganu dengan kawasan tanaman sayur di tanah tinggi Cameron Highlands itu terjejas selepas ia runtuh kira-kira 100 meter ketika banjir buruk melanda minggu lalu.

Pemborong sayur, Mohd Nazir Manaf berkata, perjalanan membawa sayur menjadi lebih lama kerana pemandu lori terpaksa melalui jalan Kuala Krai, Kelantan, sebelum sampai ke Kuala Terengganu.

"Perjalanan membawa sayur dari Cameron Highlands ke sini (Kuala Terengganu) hanya memakan masa enam jam bagi perjalanan sehala, namun selepas laluan itu runtuh, jarak perjalanan tambah satu jam.

"Biasanya lori akan bergerak jam 8.30 pagi dan tiba di sana

(Cameron Highlands) sekitar jam 2 petang. Tempoh ambil barang dari pembekal juga ambil masa.

"Biasanya lori akan sampai semula ke Kuala Terengganu dalam jam 1 pagi, namun apabila melalui jalan jauh, mereka akan sampai dalam 2 pagi," katanya ketika ditemui di Pasar Borong Gong Pauh di sini pada Khamis.

Dalam pada itu, katanya, bencana banjir juga menyebabkan harga sayur-sayuran naik sekali ganda.

"Selain masalah tanah runtuh, harga sayur musim banjir ini akan naik disebabkan banyak faktor. Sayur ditanam petani setempat juga naik kerana terdapat tanaman yang musnah, menyebabkan bekalan berkurangan dan tidak mampu menampung permintaan tinggi," jelasnya.

Sementara itu, pemborong dan peruncit, Mohd Samsul Bahri Abdullah, 55, berkata,



MOHD NAZIR



MOHD SAMSUL BAHRI

"Tambahan laluan sehalu untuk lori balik sekali dengan pemandu sebelum ini RM650, sekarang naik kepada RM1,000 hingga RM1,200 lebih-lebih lagi apabila musim banjir," katanya.

Jelas Mohd Samsul Bahri juga mengatakan harga kebanyakan sayur juga meningkat sekali ganda antara 90 hingga 100 peratus berbanding harga asal sebelum ini.

Seorang lagi pemborong, Siti Faridah Mohamad, 34, berkata, kenaikan harga sering berlaku setiap kali musim banjir kerana terdapat tanaman musnah, sehingga gus menjejaskan bekalan.

"Harga runcit kailan dan sawi hari ini ialah RM10 untuk satu kilogram (kg) berbanding RM5

runtuhan menyebabkan kos minyak juga bertambah dan mempengaruhi harga sayur.

"Insiden yang berlaku memberi kesan sebab barang diambil di Cameron Highlands, bila laluan jauh kos minyak sudah pasti meningkat.

"Tambahan laluan sehalu untuk lori balik sekali dengan pemandu sebelum ini RM650, sekarang naik kepada RM1,000 hingga RM1,200 lebih-lebih lagi apabila musim banjir," katanya.

Jelas Mohd Samsul Bahri juga mengatakan harga kebanyakan sayur juga meningkat sekali ganda antara 90 hingga 100 peratus berbanding harga asal sebelum ini.

Seorang lagi pemborong, Siti Faridah Mohamad, 34, berkata, kenaikan harga sering berlaku setiap kali musim banjir kerana terdapat tanaman musnah, sehingga gus menjejaskan bekalan.

"Harga runcit kailan dan sawi hari ini ialah RM10 untuk satu kilogram (kg) berbanding RM5



Jalan Aring 8-Kenyir-Kuala Jeneris di Jalan Tasik Kenyir dekat Hulu Terengganu ditutup selepas runtuh sejauh 100 meter ketika hujan lebat baru-baru ini.

sahaja sebelum banjir.

"Begitu juga dengan harga sayur yang lain seperti bayam (RM8), daun sup (RM15), daun bawang (RM12), salad pokok (RM15) dan kacang panjang (RM13), semuanya naik hampir sekali ganda," ujarnya.

Menurut Siti Faridah, mereka tiada pilihan selain terpaksa menaikkan harga kerana belian bo-rong daripada pembekal di Cameron Highlands juga meningkat.

"Sebelum ini, Jalan Aring

8-Kenyir-Kuala Jeneris di Jalan Tasik Kenyir dekat Hulu Terengganu ditutup sepenuhnya akibat tanah runtuh, berikutan hujan lebat.

Laluan itu dijangka ditutup lebih lama bagi proses pembaikan berikutan runtuhan serius.

Ketua Polis Hulu Terengganu, Deputy Superintenden Zainul Mujaahidin Mat Yudin berkata, pengadang konkrit diletakkan bagi mengelakkan pemandu kenderaan melalui kawasan tersebut.

IMPACT OF FLOODS

VEGETABLE PRICES UP BY 50PC TO 80PC

Farms in 5 states damaged, leading to supply shortage, says farmers' group

AMALIA AZMI
AND MOHAMED FARID NOH
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

VEGETABLE prices have increased by 50 to 80 per cent after floods affected more than 100ha of farmland in five states, Malaysian Federation of Vegetable Farmers Association said.

Its president, Lim Ser Kwee, said vegetable farms in Johor, Melaka, Perak, Kelantan, and Terengganu have been damaged by the floods, resulting in a shortage of supply and increased prices.

"The floods were severe, over 100 hectares of farmland were inundated," he said, adding that the situation was worsened by the floods in Thailand, affecting imports.

"Farmers are waiting for floodwaters to subside before replanting can begin," he said, adding that this could take a few months.

Vegetable trader Wan Baharudin Ahmad said prices have been rising over the past two weeks.

He said the supply of vegetables, including sawi, bayam and kangkung from wholesalers had dropped.

"Our suppliers have told us the situation could last until early next year," he said, adding that sawi, bayam and kangkung were selling for RM8 per kg, compared with RM3.50 per kg previously.

"Prices for tomatoes and lady's fingers have increased to RM8 and RM9.50 per kg, from RM4 and RM6.50 per kg, respectively."

The price of red peppers has surged to RM22 per kg from RM14 per kg.

Meanwhile, the Social Welfare Department said the number of flood evacuees in affected states had continued to decline, standing at 37,516 as of 4.30pm on Wednesday, down from 72,620 in the morning.

According to its Info Bencana portal, 17,980 families were taking shelter across 153 temporary relief centres nationwide.

In Kelantan, the number of evacuees in two districts dropped to 26,602 at 69 centres from 34,672 people earlier in the day.

Tumpat logged the highest number of evacuees with 15,555 people in 37 centres, followed by Pasir Mas with 11,047 people in 32 temporary relief centres.

In Terengganu, 3,853 people were housed in 32 centres across five districts.

Kuala Nerus remains the most

affected district, with 1,781 people from 477 families at 13 temporary relief centres.

This was followed by Dungun (1,249 people from 285 families at five temporary relief centres); and Kuala Terengganu (735 evacuees from 187 families at 11 centres). In Setiu, 88 people from 16 families are taking shelter at two centres, while Kemaman has no evacuees.

There were also 1,245 cases of infectious diseases reported at flood relief centres in the state.

Terengganu Health director Datuk Dr Kasamani Embong said respiratory infections accounted for the highest number of cases, totalling 969, followed by skin diseases (166 cases).

She said there were 63 cases of fever and 47 cases of stomach and intestinal inflammation.

In Kedah, the number of evacuees dropped to 5,741 people from 1,797 families in three districts, at 26 centres.

Kota Setar is the most affected district, with 4,607 people from 1,403 families in 17 centres. This is followed by Kubang Pasu (959 people from 345 families at six centres) and Pokok Sena (175 evacuees from 49 families in three centres).

In Johor, the number of evacuees fell to 986 people across 17 relief centres, down from 1,009 in the morning.

Segamat remains the worst-hit district, with 817 evacuees from 229 families in 15 centres, followed by Tangkak, where 169 people from 48 families are in two centres.

In Perak, the number of evacuees in two districts dropped to 159 people from 56 families across six temporary relief centres.

In Pahang, the number of evacuees has dropped to 15 people from five families, all of whom are taking shelter at a centre in Maran.